

PSP
JKPTG
2022
-
2026



JABATAN KETUA PENGARAH
TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

JABATAN KETUA PENGARAH
TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN (JKPTG)
2022 - 2026

RINGKASAN EKSEKUTIF

PSP JKPTG



JABATAN KETUA PENGARAH
TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN JKPTG 2022-2026

COPYRIGHT © JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

HAK CIPTA TERPELIHARA. TIDAK DIBENARKAN MENGELOUAR ULANG ATAU MENCETAK MANA-MANA BAHAGIAN, ARTIKEL, ILUSTRASI DAN ISI KANDUNGAN BUKU INI DALAM APA JUGA BENTUK DAN DENGAN CARA APA JUA SAMA ADA SECARA ELEKTRONIK, FOTOKOPI, MEKANIK RAKAMAN, ATAU CARA LAIN SEBELUM MENDAPAT IZIN BERTULIS DARIPADA PENERBIT.

DITERBITKAN OLEH:

JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
ARAS 4, PODIUM 1, WISMA SUMBER ASLI
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62574 PUTRAJAYA

TEL: +603 8000 8000
E-MEL: pertanyaan@jkptg.gov.my

Cetakan pertama November 2022

GLOSARI

BIL.	SINGKATAN	KETERANGAN
1.	AD	<i>Active Directory</i>
2.	API	<i>Application Programming Interface</i>
3.	BDK	Bahagian Dasar dan Konsultasi
4.	BHSS	Bahagian Hakmilik Strata dan Stratum
5.	BHTP	Bahagian Harta Tanah Persekutuan
6.	BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
7.	BPHP	Bahagian Penguatkuasa dan Hasil Persekutuan
8.	BPICT	Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah
9.	BPP	Bahagian Pembahagian Pusaka
10.	BPPT	Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah
11.	BPT	Bahagian Pengambilan Tanah
12.	CCTV	<i>Close Circuit Television</i>
13.	CSLDB	<i>Centralised Secured Land Data Bank</i>
14.	DC	<i>Data Center</i>
15.	DDMS	<i>Digital Document Management System</i>
16.	DR	<i>Disaster Recovery</i>
17.	DRC	<i>Disaster Recovery Centre</i>
18.	DrDMS	Dredging & Dumping Management System
19.	DRP	<i>Disaster Recovery Plan</i>
20.	EA	<i>Enterprise Architecture</i>
21.	EAT	<i>Equipment Acceptance Test</i>
22.	EERC	<i>Eliminate Enhance Reaccess Create</i>
23.	EMS	<i>Environmental Monitoring System</i>
24.	FAT	<i>Final Acceptance Test</i>
25.	FeLIS	Federal Land Information System
26.	HA	<i>High Availability</i>
27.	HCI	<i>Hyper Converged Infrastructure</i>
28.	HDMI	<i>High Definition Multimedia Interface</i>
29.	HQ	<i>Head Quarters</i>
30.	ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
31.	ID	<i>Identification</i>

BIL.	SINGKATAN	KETERANGAN
32.	iGFMAS	Integrated Government Financial Management Accounting System
33.	INSTUN	Institut Tanah dan Ukur Negara
34.	INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
35.	I/R	<i>Industrial Revolution</i>
36.	ISMS	Information Security Management System (Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat)
37.	isPEK	Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan
38.	JANM	Jabatan Akauntan Negara
39.	JENDELA	Jalinan Digital Negara
40.	JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
41.	JPIC	Jawatankuasa Pemandu ICT
42.	JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
43.	JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
44.	JPPH	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
45.	JTISA	Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam
46.	JUPEM	Jabatan Ukar dan Pemetaan Malaysia
47.	K	Ketua
48.	KeTSA	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
49.	KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
50.	LAN	<i>Local Area Network</i>
51.	MLA	Microsoft Licensing Agreement
52.	MoU	<i>Memorandum of Understanding</i>
53.	MyeTaPP	Sistem Pengurusan Tanah Persekutuan dan Pembahagian Pusaka
54.	MyGDX	Malaysian Government Central Data Exchange
55.	MyLAND	Sistem Pengurusan Tanah Persekutuan dan Pembahagian Pusaka
56.	NAS	<i>Network-Attached Storage</i>
57.	OSC	<i>One Stop Centre</i>
58.	PAT	<i>Provisional Acceptance Test</i>
59.	PBT	Pihak Berkusa Tempatan

BIL.	SINGKATAN	KETERANGAN
60.	PC	<i>Personal Computer</i>
61.	PDF	<i>Portable Document Format</i>
62.	PDSA	Pusat Data Sektor Awam
63.	PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
64.	PFI	<i>Private Finance Initiative</i>
65.	PKS	Pelan Keselamatan Siber
66.	PPTG	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri
67.	PSP	Pelan Strategik Pendigitalan
68.	PSPSA	Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam
69.	PTD	Pejabat Tanah dan Daerah
70.	PTG	Pengarah Tanah dan Galian Negeri
71.	PTP	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
72.	QR	<i>Quick Response</i>
73.	RAM	<i>Random Access Memory</i>
74.	SAN	<i>Storage Area Network</i>
75.	SELAMAT	Secured Land Management System
76.	SKO	Sistem Kedatangan Online
77.	SKPP	Sektor Kemajuan Pengurusan & Perundangan
78.	SLA	<i>Service Level Aggrement</i>
79.	SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
80.	SPA	<i>Security Posture Assessment</i>
81.	SPA 2.0	Sistem Pengurusan Aset versi 2.0
82.	SPP	Surat Pekeliling Perbendaharaan
83.	SPTB	Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer
84.	SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
85.	SSO	<i>Single Sign On</i>
86.	SSOT	<i>Single Source of Truth</i>
87.	TOT	<i>Transfer of Technology</i>
88.	UAT	<i>User Acceptance Test</i>
89.	UPS	<i>Uninterruptable Power Supply</i>
90.	UTP	<i>Unshielded Twisted Cable</i>
91.	VESDA	<i>Very Early Warning Smoke Detection</i>
92.	VM	<i>Virtual Machine</i>
93.	WAN	<i>Wide Area Network</i>
94.	WP	Wilayah Persekutuan
95.	WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

PERUTUSAN KETUA PENGARAH



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Ilahi saya panjatkan kerana dengan limpah izinNya Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) tahun 2022-2026 telah dapat dihasilkan dan diterbitkan dengan jayanya. Penyediaan Pelan Strategik ini amat penting kerana perancangan yang teliti dan strategik merupakan kunci kejayaan terhadap apa juga program yang dirancang dan dilaksanakan oleh JKPTG.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di atas usaha gigih dan komitmen yang tinggi dalam membangunkan PSP JKPTG. PSP JKPTG 2022-2026 merupakan dokumen yang dibangunkan selaras dengan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPA) 2021 – 2025 bagi menyokong pelaksanaan aspirasi Kerajaan Digital.

Pelan ini adalah *blueprint* yang mengandungi garis panduan pelaksanaan projek ICT yang terancang bagi tempoh lima tahun yang disokong oleh sistem aplikasi, teknologi, pembangunan sumber manusia dan tadbir urus teknologi digital. Dalam mendepani ledakan era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0), pelan ini dihasilkan sebagai komitmen Jabatan untuk melonjakkan kualiti dan mutu sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

Akhir kata, semoga setiap warga kerja JKPTG dapat mengenal pasti dan memahami hala tuju pelan pendigitalan yang ditetapkan dan bersama-sama memberi komitmen penuh untuk memastikan proses pendigitalan ini dapat direalisasikan ke arah pencapaian visi JKPTG sebagai peneraju kecemerlangan pengurusan pentadbiran tanah dan pusaka ke arah kemakmuran bersama menjelang 2025.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**

KATA ALU-ALUAN PENGARAH BPICT

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, segala puji dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan izinNya, Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) 2022-2026 dapat dibangun dan diterbitkan dengan jayanya.

PSP JKPTG merupakan dokumen strategik yang penting dalam merealisasikan usaha pendigitalan perkhidmatan di JKPTG. PSP ini sebenarnya merupakan pelengkap kepada Pelan Strategik JKPTG 2021-2025 supaya segala perancangan perkhidmatan ICT adalah menyokong hala tuju visi dan misi JKPTG secara keseluruhannya. PSP 2022-2026 ini telah menggariskan beberapa program dan aktiviti yang perlu direalisasikan dalam tempoh lima tahun seiring dengan matlamat supaya pendigitalan akan terus menjadi pemangkin kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan. Pelan ini akan dipantau dari masa ke semasa dan dikaji semula setiap dua tahun atau mengikut keperluan.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua Pengarah Bahagian, Ahli Jawatankuasa Projek Pembangunan PSP JKPTG 2022-2026, pegawai dan kakitangan JKPTG yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam penghasilan pelan ini. Semoga PSP JKPTG ini dapat dijadikan rujukan pembangunan pendigitalan dan direalisasikan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Tengku Rohana Binti Tengku Nawawi
Pengarah Bahagian ICT Pentadbiran Tanah



Abstrak

PSP JKPTG 2022-2026 merupakan pelan strategik yang mengandungi hala tuju pendigitalan JKPTG untuk tempoh lima tahun bermula pada tahun 2022. Pelan ini merupakan pelan induk pendigitalan bagi rujukan pegawai JKPTG dan kandungannya sejajar dengan arah tuju JKPTG seperti yang dinyatakan dalam Pelan Strategik JKPTG 2021-2025 dengan visi sebagai peneraju kecemerlangan pengurusan pentadbiran tanah dan pusaka ke arah kemakmuran bersama menjelang 2025. Strategi dan Program Pendigitalan yang dirancang bertujuan untuk memperkuuh kapasiti pendigitalan perkhidmatan teras JKPTG bagi mengoptimumkan impak tadbir urus pengurusan tanah negara secara tuntas demi kesejahteraan rakyat.



Isi Kandungan

Perutusan Ketua Pengarah	I	
Kata Alu-aluan Pengarah BPICT	II	
Abstrak	III	
Latar Belakang	V-VIII	
Pengenalan	1	
Visi dan Misi Pendigitalan	1	
Teras Strategik Pendigitalan	2	
Rangka Kerja PSP JKPTG 2022 - 2026	3	
Penjajaran Teras Strategik PSP JKPTG 2022 - 2026 dengan Teras Strategik PSP Sektor Awam 2021 - 2025	4	
Strategi dan Program Pendigitalan	05-23	
Pelan Pelaksanaan	24	
Faktor Kritikal Kejayaan	25	
Penutup	26	
Penghargaan	27-28	

LATAR BELAKANG

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) telah ditubuhkan pada tahun 1957 berperanan untuk menguruskan tanah-tanah Kerajaan Persekutuan mengikut peruntukan di bawah Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 [Akta 349] selain melaksanakan pengurusan pembahagian pusaka. Pengurusan tanah Kerajaan Persekutuan adalah merangkumi perolehan tanah bagi tujuan projek persekutuan, pengawalan serta pelupusan. Ia termasuklah melaksanakan pelbagai cara perolehan tanah melalui pembelian, perizaban, permohonan kepada Kerajaan Negeri, atau pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.

JKPTG juga memainkan peranan dalam menerajui pemantapan pentadbiran tanah negara melalui penyemakan, penyelarasan, penambahbaikan serta penggubalan undang-undang dan peraturan berkaitan pentadbiran tanah. Ini termasuk pelaksanaan pemodenan pentadbiran tanah. Peranan utama JKPTG boleh dirumuskan seperti berikut:


- i. Menguruskan tanah-tanah Kerajaan Persekutuan mengikut peruntukan di bawah Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957;
- ii. Menerajui penambahbaikan pentadbiran tanah negara;
- iii. Mengurus pengambilan tanah bagi tujuan projek Kerajaan Persekutuan; dan
- iv. Mengurus pembahagian pusaka.

Selain itu, dengan menggunakan peruntukan Seksyen 8 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, JKPTG juga boleh melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

- i. Berunding dengan mana-mana Pengarah Tanah dan Galian (PTG) negeri;
- ii. Mendapat apa-apa penyata, laporan dan maklumat daripada mana-mana PTG berkaitan dengan pentadbiran tanah di negeri-negeri;
- iii. Mengadakan mesyuarat dengan semua PTG berkaitan pentadbiran Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965);
- iv. Memeriksa rekod-rekod di Pejabat Pendaftar/Pejabat Tanah Daerah dengan kebenaran PTG; dan
- v. Mengeluarkan pekeliling yang berkaitan dengan pentadbiran akta ini.

Bagi melaksanakan peranan dan peruntukan perundangan tersebut, maka penggunaan ICT melalui pendigitalan perkhidmatan menjadi kritikal sebagai pemacu strategik untuk mencapai hasrat JKPTG dalam mendepani cabaran global, teknologi dan persekitaran perkhidmatan semasa. Oleh itu, satu perancangan yang teliti dan menyeluruh perlu diambil bagi mengenalpasti isu dan cabaran tersebut seterusnya merangka gerak kerja serta perancangan tindakan yang perlu dilaksanakan untuk tempoh tertentu.

CARTA ORGANISASI
JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PESEKUTUAN
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI (KeTSA)



Dikemaskini pada November 2022

ORGANISASI DAN PENGURUSAN ICT JKPTG


Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah (BPICT) merupakan bahagian yang berfungsi menjadikan ICT sebagai pamacu bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan JKPTG. BPICT bertindak sebagai pusat rujukan ICT dan pendigitalan perkhidmatan supaya dapat meningkatkan mutu perkhidmatan JKPTG.

BPICT diketuai oleh seorang Pengarah Bahagian yang melapor terus kepada Timbalan Ketua Pengarah JKPTG (SKPP). Pada masa ini, sebanyak 48 bilangan perjawatan di BPICT. Carta organisasi dan pengisian jawatan di BPICT sehingga 30 November 2022.

BAHAGIAN PENGURUSAN ICT PENTADBIRAN TANAH

UNIT PENTADBIRAN TANAH PERSEKUTUAN	<ul style="list-style-type: none"> a) Menguruskan pembangunan dan keperluan pengguna sistem melibatkan tanah persekutuan dan pembahagian pusaka; b) Menyelaras dan menguruskan keperluan permohonan data spatial jabatan; c) Mengurus penyelenggaraan sistem termasuk pangkalan data tanah persekutuan dan pembahagian pusaka; d) Menyelaras perkongsian maklumat yang melibatkan kolaborasi bersama Agensi Rakan Strategik jabatan; dan e) Mengurus dan menyelaras latihan pengguna yang melibatkan sistem pengurusan tanah persekutuan, pembahagian pusaka dan geospatial.
UNIT PENTADBIRAN TANAH NEGERI	<ul style="list-style-type: none"> a) Mengurus serta memantau prestasi pembangunan dan operasi sistem pentadbiran tanah negeri; b) Menyelaras perkongsian maklumat yang melibatkan kolaborasi bersama Agensi Rakan Strategik pentadbiran tanah negeri; dan c) Memantau kemajuan pelaksanaan projek pentadbiran tanah negeri.
UNIT PENGURUSAN STRATEGIK ICT	<ul style="list-style-type: none"> a) Mengurus dan memantau perancangan pendigitalan strategik jabatan; b) Mengurus dan menyelaras portal dan media sosial jabatan; c) Membantu Jabatan menyelaras pembangunan multimedia jabatan; dan d) Mengurus dan menyelaras sistem aplikasi sokongan yang digunakan oleh jabatan.
UNIT PENGURUSAN TEKNIKAL	<ul style="list-style-type: none"> a) Mengurus khidmat bantuan teknikal dan sokongan operasi ICT jabatan; b) Mengurus dan memantau rangkaian dan keselamatan ICT jabatan; c) Mengurus dan memantau sistem dan operasi pusat data; d) Mengurus dan menyelaras keperluan dan perolehan ICT pengguna jabatan; dan e) Mengurus dan menyelaras pengurusan aset ICT jabatan.
UNIT PENGURUSAN	<ul style="list-style-type: none"> a) Menyelaras Pelan Operasi Latihan ICT Jabatan; b) Menyelaras rekod harta modal BPICT; c) Urus setia mesyuarat yang melibatkan bahagian ICT di jabatan; d) Menyelaras perolehan dan pengurusan kontrak BPICT; e) Mengurus dan menyelaras peruntukan mengurus dan pembangunan BPICT; dan f) Mengurus pentadbiran am BPICT.

Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan



PENGENALAN

Rangka kerja strategik pendigitalan JKPTG dibentuk berasaskan daripada hasil analisis persekitaran perkhidmatan dan pendigitalan semasa JKPTG. Rangka kerja ini akan menunjukkan hala tuju pendigitalan JKPTG bagi tahun 2022 hingga 2026 yang bertujuan untuk menyokong arah tuju JKPTG seperti yang dinyatakan dalam Pelan Strategik JKPTG 2021-2025 dengan visi sebagai "Peneraju Kecemerlangan Pengurusan Pentadbiran Tanah dan Pusaka Ke Arah Kemakmuran Bersama Menjelang 2025". Kesemua perancangan strategik pendigitalan JKPTG ini adalah usaha bagi memastikan perancangan dan dasar Jabatan berupaya dilaksanakan dengan efektif serta memenuhi kehendak dan matlamat rakyat.

Hala tuju pendigitalan ini dijelaskan menerusi pernyataan visi dan misi pendigitalan, teras strategik, strategi, program serta pelan tindakan pendigitalan.



VISI

Pendigitalan Perkhidmatan Sebagai Pemacu Kecemerlangan Pengurusan Tanah Negara Yang Mampan Menjelang 2026



MISI

Memperkuuh Kapasiti Pendigitalan Perkhidmatan Teras JKPTG Bagi Mengoptimumkan Impak Tadbir Urus Pengurusan Tanah Negara Secara Tuntas Demi Kesejahteraan Rakyat.

TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN

Teras Strategik Pendigitalan merupakan teras pendigitalan utama kepada JKPTG dalam menentukan perancangan, strategi pembangunan dan pelaksanaan projek-projek pendigitalan bagi menyokong bisnes JKPTG. Tiga teras strategik pendigitalan telah dikenal pasti untuk memacu hala tuju pendigitalan selaras dengan visi dan misi PSP JKPTG.

PENGUKUHAN APLIKASI INKLUSIF DAN EFEKTIF

- Memperkuuh aplikasi secara menyeluruh dan sistematik bagi meningkatkan pemanfaatan pendigitalan perkhidmatan JKPTG selaras dengan perubahan perundangan semasa dan teknologi terkini yang relevan.
- Membangunkan platform perkongsian maklumat bersepada dan pengukuhan saluran komunikasi digital bagi mempertingkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan secara efektif dan efisien.



PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR PENDIGITALAN MAMPAH DAN SELAMAT

- Memperkuuhkan perancangan dan perolehan infrastruktur dan infostruktur pendigitalan bagi memperkasa penyampaian perkhidmatan selaras dengan perkembangan teknologi terkini.
- Mempertingkatkan keupayaan kawalan dan pengurusan keselamatan pusat data melalui pengukuhan libat urus dengan pemegang taruh dan pematuhan piawaian pendigitalan.




PEMERKASAAN TADBIR URUS PENDIGITALAN DAN KEMAHIRAN MODAL INSAN


- Memperkasa dasar pendigitalan melalui pembangunan dan penambahbaikan prosedur dan tadbir urus maklumat secara komprehensif dan sistematik.
- Memperkuuhkan organisasi dan khidmat sokongan pendigitalan melalui peningkatan kapasiti pengurusan teknikal secara inklusif dan dinamik.
- Mempertingkat kemahiran dan pembudayaan pendigitalan melalui pelaksanaan latihan teknikal ICT dan program kesedaran pendigitalan secara berjadual.



RANGKA KERJA PSP JKPTG 2022 - 2026



PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PSP JKPTG 2022 - 2026 DENGAN TERAS STRATEGIK PSP SEKTOR AWAM 2021 - 2025



PELAN STRATEGIK
PENDIGITALAN SEKTOR
AWAM


- Visi
- Teras Strategik
- Prinsip Panduan
- Ekosistem Pemboleh Daya

PELAN STRATEGIK
PENDIGITALAN JKPTG

- Teras 1
- Teras 2
- Teras 3

STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN

Tiga teras pendigitalan telah dikenalpasti yang melibatkan sebanyak tujuh strategi dan 27 program serta 25 subprogram.



TERAS 1: PENGUKUHAN APLIKASI INKLUSIF DAN EFEKTIF

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
1. Pengukuhan Aplikasi Perkhidmatan Utama dan Pengurusan	<p>1a. Pembangunan Sistem Pengurusan Tanah Persekutuan dan Pembahagian Pusaka (MyLAND)</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop: 17 Modul utama</p>	<u>2022 - 2023</u> BPICT (Ketua) BPP BHTP BPHP BPT BKP BHSS BPPT
	<p>1b. Pembangunan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer Persekitaran Web (SPTBWeb)</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop: Memodenkan kaedah pentadbiran hakmilik dan urusniaga tanah di Negeri Kedah dan Perlis</p>	<u>2022</u> BPICT (Ketua) Pentadbiran Tanah Negeri Kedah dan Negeri Perlis
	<p>1c. Pembangunan Sistem Kehadiran Online (SKO)</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop: Pemantauan kehadiran kakitangan secara dalam talian</p>	<u>2023 - 2025</u> BKP
	<p>1d. Pelaksanaan Penggunaan Digital Document Management System (DDMS 2.0)</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop: Urusan pentadbiran dan pengurusan fail</p>	<u>2023 - 2025</u> BKP

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
	<p>1e. Pelaksanaan Peluasan Sistem e-Tanah Secara PFI Untuk Sembilan Negeri</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop: 12 Modul utama</p>	<u>2022 - 2026</u> BPICT (Ketua) Pentadbiran Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, Negeri Selangor, Terengganu, Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Pahang
	<p>1f. Pelaksanaan Peluasan Sistem e-Tanah Secara PFI untuk Tiga Negeri</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop: 12 Modul utama</p>	<u>2022 - 2026</u> BPICT (Ketua) Pentadbiran Tanah Negeri Melaka, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan
	<p>1g. Penambahbaikan Aplikasi Perkhidmatan JKPTG</p> <p>i. Penambahbaikan Federal Land Information System (FeLIS)</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop: Verifikasi data</p>	<u>2022 - 2026</u> BPICT (Ketua) BPHP Semua Pentadbiran Tanah Negeri <u>2023 - 2024</u> BPICT

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
	<p>ii. Perkhidmatan Naik Taraf Dredging & Dumping Management System (DrDMS) Fasa 2 & Fasa 3</p> <p>Keutamaan: Tinggi</p> <p>Skop Fasa 2:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengiraan anggaran kuantiti pasir - Penyediaan laporan DrDMS <p>Skop Fasa 3:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penambahan sensor bagi meningkatkan ketepatan pengiraan kuantiti pasir kepada 90% - Meluaskan liputan pemantauan ke seluruh Asia - Penyediaan pelaporan menggunakan kaedah <i>big data analytics</i> - Latihan secara berterusan kepada kakitangan tenaga kerja dalam 	<p>2022 - 2025 BPHP</p>
	<p>iii. Penambahbaikan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB)</p> <p>Keutamaan: Tinggi</p> <p>Skop: Khidmat nasihat dan bantuan teknikal</p>	<p>2022 - 2026 BPICT (Ketua) Se semua Pentadbiran Tanah Negeri</p>
	<p>iv. Penambahbaikan Sistem eCharting</p> <p>Keutamaan: Tinggi</p> <p>Skop: Penggunaan data spatial</p>	<p>2023 - 2024 BPICT</p>

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
	<p>v. Penambahbaikan Secured Land Management System (SELAMAT)</p> <p>Keutamaan: Sederhana Skop: Khidmat nasihat dan bantuan teknikal</p>	<u>2022 - 2026</u> BPICT (Ketua) Semua Pentadbiran Tanah Negeri
	<p>vi. Penambahbaikan Sistem eConsent</p> <p>Keutamaan: Sederhana Skop: Khidmat nasihat dan bantuan teknikal</p>	<u>2022 - 2026</u> BPICT (Ketua) Semua Pentadbiran Tanah Negeri
	<p>1h. Pelaksanaan Pemurnian dan Pengemaskinian Data Tanah Persekutuan dan Pusaka</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop: Data bagi urusan Rekod Tanah PTP, Pajakan, Penyewaan, Perolehan Tanah PTP dan Permohonan Pusaka</p>	<u>2023 - 2024</u> BHTP (Ketua) BPP BPICT
	<p>1i. Pelaksanaan Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Sokongan Teknikal Sistem Pengurusan Tanah Persekutuan dan Pembahagian Pusaka (MyeTaPP)</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop: Mengurus dan merekod tanah persekutuan dan permohonan pusaka</p>	<u>2022 - 2023</u> BPICT (Ketua) BPP BHTP BPHP BPT

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
2. Pengukuhan Platform Integrasi Data dan Gerbang Komunikasi Digital	<p>2a. Pembangunan Platform Perkongsian Maklumat dan Integrasi Data JKPTG</p> <p>Keutamaan: Sederhana Skop: Perkongsian data terbuka dan integrasi data dalaman/luaran</p>	<u>2023 - 2024</u> BPICT
	<p>2b. Pelaksanaan Naik Taraf Intranet JKPTG</p> <p>Keutamaan: Sederhana Skop: Menambahbaik ciri-ciri sedia ada melalui <i>Single Sign On</i> (SSO) bagi aplikasi sokongan JKPTG</p>	<u>2023 - 2024</u> BPICT
	<p>2c. Pelaksanaan Naik Taraf Fungsi dan Rekabentuk Portal JKPTG</p> <p>Keutamaan: Sederhana Skop: <ul style="list-style-type: none"> - Menggunakan kaedah hebahan grafik visual yang menarik dan hebahan tidak tertumpu kepada teks sahaja - Menambahbaik susun atur dan reka bentuk portal mesra pengguna - Mewujudkan pautan agensi JKPTG untuk memudahkan perkongsian maklumat perhubungan dalaman JKPTG </p>	<u>2024</u> BPICT

TERAS 2: PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR PENDIGITALAN MAMPAN DAN SELAMAT

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
<p>1. Pengukuhan Perancangan dan Pemerksaan Infrastruktur Pendigitalan</p>	<p>1a. Pelaksanaan Kajian dan Penyediaan Pelan Perancangan Keperluan Peralatan ICT Jangka Sederhana</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pembangunan Pelan Perancangan Perolehan ICT 2023-2026 <p>1b. Pelaksanaan Perolehan Baharu dan Penggantian Perkakasan ICT</p> <p>i. Perolehan Perkakasan ICT</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Perolehan baharu (<i>Pengimbas barcode, UPS, portable monitor</i>) b. Perolehan Peralatan Sokongan ICT (Mikrofon, Speaker dan kamera untuk Tele-Sidang) c. Perolehan Peralatan Sokongan ICT (Projektor, kamera dan Android/Smart TV) <p>ii. Perolehan Penggantian Perkakasan ICT</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Penggantian dan naik taraf (RAM, <i>hardisk</i>, kabel Cat6, <i>monitor, mouse, keyboard</i>, bateri komputer riba) b. Perolehan <i>toolkit</i> (<i>rangkaian, computer and notebook repair kit, HDMI cable, HDMI splitter with switch, WiFi dongle, labelling machine, wired tracer</i>) 	<p>2023 BPICT</p> <p>2022 - 2026 BPICT</p> <p>2023 - 2025 BPICT</p> <p>2022 - 2026 BPICT</p>

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
	<p>iii. Perolehan Perkakasan ICT Secara Sewaan</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Sewaan baharu (<i>PC, komputer riba, pencetak, workstation</i>) bagi tempoh 3 tahun 	<u>2023 - 2026</u> BPICT
	<p>1c. Pelaksanaan Perolehan Baharu Perisian dan Perkhidmatan Pendigitalan (2022 – 2026)</p>	<u>2022 - 2026</u> BPICT BKP UUU
	<p>i. Perolehan Perisian</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perisian pemantauan dan inventori peralatan berpusat <ul style="list-style-type: none"> • <i>Desktop management</i> <p>ii. Perolehan Naik Taraf Perisian</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Sistem Pengurusan Aset (SPA 2.0) daripada versi 2.0 ke 3.0 	<u>2024-2026</u> BPICT <u>2023</u> BKP

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
	<p>iii. Perolehan Lesen Perisian</p> <p>Keutamaan: Tinggi</p> <p>Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Active Directory Manager b. <i>Antivirus</i> c. Microsoft Visual Studio d. Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (Cloud) Sektor Awam – Microsoft Licensing Agreement (MLA) e. Firewall (Ibu Pejabat dan Negeri) f. Adobe Creative Cloud g. PDF Converter h. Dewan Eja i. Persidangan video j. Perisian geospatial 	<p>2022 - 2026</p> <p>BPICT</p>
	<p>iv. Perolehan Fi Langganan Perkhidmatan</p> <p>Keutamaan: Tinggi</p> <p>Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Mobile Broadband 2. Langganan jurnal 3. Imej satelit 4. Data Spatial (Data fizikal dan perkhidmatan) 	<p>2022 - 2026</p> <p>BPICT (Ketua), BKP, UUU</p>
	<p>1d. Pelaksanaan Kajian dan Cadangan Menaiktaraf LAN dan Wifi Ibu Pejabat dan Negeri</p> <p>Keutamaan: Sederhana</p> <p>Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kajian keperluan - Pengkabelan semula <i>LAN/fiber, patch cord & patch station</i> - Penggantian <i>switch, UTP patch panel, cable management, Wireless Access Point</i> 	<p>2023 - 2026</p> <p>BPICT</p>

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
2. Pengukuhan Pengurusan Pusat Data dan Pematuhan Piawaian Keselamatan Maklumat	<p>2a. Naik Taraf Keupayaan dan Keselamatan Pusat Data JKPTG</p> <p>i. Perolehan Baharu Perkakasan, Perisian & Perkhidmatan</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penstrukturkan semula server Pusat Data JKPTG Ibu Pejabat (Platform <i>Hyper Converged Infrastructure</i> (HCI) atau platform lain yang bersesuaian) - Sistem sandaran (<i>Backup Solution</i>) - <i>UPS</i> (Negeri) - <i>Server (File & Antivirus)</i>, - Pelaksanaan <i>Active Directory</i> di JKPTG Negeri (kajian keperluan dan perolehan server AD) <p>ii. Naik Taraf Keselamatan Bilik Server JKPTG Negeri</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kajian keperluan dan cadangan perisian pemantauan keselamatan persekitaran bilik server/ <i>Environmental Monitoring System (EMS), CCTV</i> dan akses pintu di JKPTG Negeri 	<u>2023 - 2026</u> BPICT JKPTG Negeri <u>2023 - 2026</u> BPICT
		<u>2024 - 2026</u> BPICT JKPTG Negeri

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
	2b. Pemerkasaan Keselamatan Maklumat dan Pematuhan Piawaian	<u>2023 - 2026</u> BPICT
	<p>i. Pelaksanaan <i>Security Posture Assessment</i> Secara Berkala</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. MyLand b. Portal JKPTG c. FeLIS 	<u>2023 - 2026</u> BPICT
	<p>ii. Pelaksanaan Ujian Simulasi <i>Backup, Restore</i> Aplikasi dan Pemulihan Bencana</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <p>Simulasi <i>backup & restore</i> dan <i>Disaster Recovery</i> (DR)</p>	<u>2023 - 2026</u> BPICT
	<p>iii. Pelaksanaan Pusat Pemulihan Bencana di Pusat Data Sektor Awam (PDSA)</p> <p>Keutamaan: Sederhana Skop:</p> <p>Sistem aplikasi JKPTG</p>	<u>2023 - 2024</u> BPICT

TERAS 3: PEMERKASAAN TADBIR URUS PENDIGITALAN DAN KEMAHIRAN MODAL INSAN

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
1. Pengukuhan Polisi dan Tadbir Urus Pendigitalan	<p>1a. Pembangunan Polisi Perkongsian Maklumat dan Integrasi Data</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dalaman (Ibu Pejabat, Negeri) - Luaran (JPN, SSM, PNMB, PNB, JPJ, iGFMAS/iSPEK, JPPH, e-TANAH, ICU, JPN-KPKT, Mahkamah, JUPEM, Mdl, PBT, OSC, <i>Payment Gateway</i>, MYSA, Malaysian Bar Legal Directory) - Menjalinkan kerjasama perkongsian maklumat dengan mewujudkan MoU antara agensi rakan strategik - Kerjasama perkongsian data antara agensi - Mengadakan sesi libat urus dengan pengguna sistem mengenai pertindihan maklumat dan integrasi maklumat - Garis Panduan Pemilik Data <ul style="list-style-type: none"> • Mendefinisikan tentang kategori data, pemilik dan hak capaian • Mewujudkan dokumentasi iaitu garis panduan pemilik setiap aplikasi, kandungan dan maklumat serta peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat 	<u>2023 - 2026</u> BKP (Ketua) BPP BHTP BPHP BPT BPICT
	<p>1b. Pembangunan Dasar Pelupusan Aset ICT Secara Serahan Kepada Kerajaan Negeri Selepas Tamat Kontrak</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <p>Prosedur pelupusan aset ICT secara serahan kepada kerajaan negeri selepas tamat kontrak</p>	<u>2023 - 2026</u> BKP (Ketua) BPICT

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
	<p>1c. Penambahbaikan Polisi Keselamatan Siber (PKS)</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Semakan Semula Pelan Pemulihan Bencana (<i>Disaster Recovery Plan</i>) - Semakan Semula Garis Panduan Penyebaran Maklumat Dalaman dan Luaran <ul style="list-style-type: none"> • Menambahbaik SOP keselamatan capaian dan penyebaran maklumat/data • Membangunkan SOP pengemaskinian maklumat bahagian di portal dan di media sosial JKPTG • Membangunkan SOP hebahan maklumat rasmi - Menyempurnakan pengisian semua borang berkaitan ICT semasa kakitangan melapor diri atau bertukar keluar daripada Jabatan 	<u>2023 - 2026</u> BPICT
	<p>1d. Pelaksanaan Peningkatan Keberkesanan Tadbir Urus Pengurusan Maklumat</p>	<u>2023 - 2026</u> BKP BPICT BHTP BPHP BPT BDK BPPT
	<p>i. Semakan Semula Enterprise Architecture (EA) JKPTG</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dokumen EA <ul style="list-style-type: none"> ✓ Artifak As-Is dan To-Be • Repozitori 	<u>2023 - 2024</u> BKP (Ketua) BPICT BHTP BPHP BPT BDK BPPT

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
	<p>ii. Semakan Semula Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) JKPTG</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kemaskini Pelan Tindakan dan Anggaran Kos <p>Keutamaan: Tinggi</p> <p>Skop: Kemaskini Pelan Tindakan dan Anggaran Kos</p> <p>iii. Penambahbaikan Pengurusan Maklumat Portal JKPTG</p> <p>Keutamaan: Sederhana</p> <p>Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pemantauan dan penguatkuasaan pematuhan SOP pengemaskinian maklumat bahagian - Pemantauan tugas Pegawai Penyelaras Portal di Bahagian melalui Mesyuarat JK Pengurusan Maklumat - Mewajibkan penggunaan hebahan melalui portal rasmi JKPTG - Pengesahan dan kelulusan maklumat untuk pengemaskinian di Portal JKPTG <p>iv. Penambahbaikan Pengurusan Projek Pendigitalan</p> <p>Keutamaan: Sederhana</p> <p>Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kuat kuasa keperluan memperincikan nota serahan tugas bagi pertukaran pegawai tadbir urus sesuatu projek pendigitalan - Mewujudkan mekanisma bagi membolehkan pengarah projek dan pengurus projek memantau secara berterusan komitmen dan pematuhan tanggungjawab ahli pasukan projek 	<p>2024 BPICT</p> <p>2023 - 2026 BPICT</p> <p>2023 - 2026 BPICT</p>

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
	<p>v. Penambahbaikan Pengurusan Penyelenggaraan Pendigitalan</p> <p>Keutamaan: Sederhana Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mewajibkan latihan secara <i>Transfer of Technology</i> (TOT) dalam spesifikasi perolehan perkhidmatan pendigitalan - Memastikan kod sumber aplikasi terjamin dalam kontrak dan menjadi milik kerajaan dalam semua perolehan perkhidmatan pendigitalan - Menambahbaik sistem meja bantuan (<i>Help Desk</i>) sedia ada - Menyediakan dokumentasi Pelan Peralihan Sistem Baharu - Pembangunan SOP Migrasi Data Sistem Lama untuk pemindahan sistem baharu - Menambahbaik dan menyeragamkan proses-proses tindakan penyelenggaraan sistem aplikasi melalui buku panduan penyelenggaraan 	<u>2023 - 2026</u> BPICT
	<p>1e. Pelaksanaan Pematuhan Prosedur dan Dasar Keselamatan Pendigitalan</p> <p>i. Penguatkuasaan Kawalan Keselamatan Keluar Masuk Pejabat</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Keluar masuk pejabat menggunakan kad akses pelawat dan pelawat hanya boleh pergi ke kawasan yang dibenarkan sahaja - Semakan semula SOP Pergerakan Pegawai dan Aset ICT - Pembangunan SOP Pengendalian Aset dan Dokumen Jabatan 	<u>2023 - 2026</u> BKP BPICT

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
	<p>ii. Pelaksanaan Program Pematuhan Piawaian Keselamatan Maklumat</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menguatkuasa pematuhan Polisi Keselamatan Siber - Audit pematuhan prosedur pendigitalan dan polisi keselamatan maklumat - Pelaksanaan ISMS perkhidmatan utama JKPTG <ul style="list-style-type: none"> • Skop Pensijilan • Proses Pensijilan <ul style="list-style-type: none"> ✓ Penubuhan jawatankuasa ISMS ✓ Mengadakan bengkel ✓ Audit pematuhan 	<p><u>2023 - 2026</u></p> <p>BPICT</p>

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
2. Pengukuhkan Pengurusan Organisasi Pendigitalan	<p>2a. Kajian Semula Struktur Organisasi Pengurusan Maklumat</p> <p>Keutamaan: Sederhana Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melaksanakan kajian skop tugas dan kompleksiti tugas pegawai mengikut tempoh masa yang bersesuaian - Semakan semula struktur tadbir urus ICT dan pengurusan maklumat (korporat) secara berkala <ul style="list-style-type: none"> • Kemaskini dan penyusunan semula struktur tadbir urus ICT secara menyeluruh • Naik taraf perjawatan dan pewujudan jawatan baharu (skim F dan skim S) - Merujuk norma perjawatan bagi Klasifikasi Perkhidmatan Sistem Maklumat (MAMPU) dan Sosial (Penerangan) sebagai panduan bagi pewujudan jawatan baharu dan naik taraf perjawatan ICT di JKPTG - Menambahbaik perjawatan ICT dengan kepakaran khusus dalam pelbagai sub-bidang ICT dengan merujuk kepada norma perjawatan bagi Klasifikasi Perkhidmatan Sistem Maklumat (MAMPU) - Menyediakan pegawai khidmat sokongan ICT yang berkemahiran - Menambah bilangan kakitangan khidmat sokongan ICT 	<p>2024 - 2025 BKP (Ketua) BPPT</p>

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
3. Pengukuhan Kemahiran Teknikal dan Kesedaran Pendigitalan	<p>3a. Pembangunan Pelan Latihan Kemahiran Pendigitalan 2023 – 2026</p> <p>Keutamaan: Sederhana Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengadakan latihan bersemuka dengan lebih berkesan seperti program <i>Transfer of Technology</i> (TOT) dan <i>Training of Trainers</i> (TOT) - Pelaksanaan sesi perkongsian maklumat teknologi terkini - Merancang sesi lawatan penanda aras penggunaan teknologi terkini berkaitan pentadbiran tanah dan pusaka - Latihan yang berupaya melaksanakan bimbingan serta menjana idea baru dalam usaha meningkatkan kualiti sistem/aplikasi/projek berdasarkan ICT - Latihan yang boleh melahirkan kakitangan yang berpengetahuan dan berkemahiran sebagai pakar rujuk - Mengadakan kerjasama pintar dan kolaborasi strategik bersama agensi kerajaan/agensi luar seperti kerjasama dengan INSTUN, INTAN dan syarikat swasta - Penambahbaikan perancangan perbelanjaan supaya dapat memenuhi keperluan latihan teknikal berkaitan bidang tugas hakiki kakitangan 	<u>2023 - 2026</u> BPICT (Ketua) BKP
	<p>3b. Pelaksanaan Latihan Kemahiran Teknikal Pendigitalan</p> <p>Keutamaan: Tinggi Skop:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Kursus Kemahiran Teknikal ICT ii. Kursus Kemahiran Pendigitalan Kakitangan iii. Kursus Pensijilan Profesional 	<u>2023 - 2026</u> BPICT (Ketua) BPPT

Strategi	Program, Skop & Keutamaan	Tahun Sasaran & Pemilik
	<p>3c. Pelaksanaan Seminar Kesedaran dan Pematuhan Pendigitalan</p> <p>Keutamaan: Sederhana</p> <p>Skop:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penambahbaikan strategi pelaksanaan promosi dan hebahan program kepada kakitangan - Meningkatkan kekerapan promosi dan hebahan yang bersesuaian dengan kumpulan sasar - Mewajibkan peserta latihan memberikan maklum balas bagi setiap latihan yang dihadiri - Pelaksanaan secara: <ul style="list-style-type: none"> • Sesi perkongsian pengetahuan dan kepakaran ICT • Sesi <i>technology update</i> - Tajuk: Polisi dan Prosedur Pendigitalan yang berkaitan dengan: <ul style="list-style-type: none"> • Integriti dan kerahsiaan maklumat • Capaian Internet dan keselamatan maklumat • Pengendalian insiden dan ancaman siber 	<p>2023 - 2026</p> <p>BPICT (Ketua)</p> <p>BPPT</p>

PELAN PELAKSANAAN



Pengukuhan
Aplikasi Inklusif
dan Efektif

Pembangunan: Platform Perkongsian Maklumat dan Integrasi data, SKO.

Pelaksanaan: Penggunaan DDMS 2.0, Pemurnian data Tanah Persekutuan dan Pusaka.

Naik Taraf: DrDMS Fasa 3, Intranet, Portal.

Penambahbaikan: FeLIS, eCharting.

Pembangunan: Sistem MyLAND, Sistem SPTBWeb.

Naik Taraf: DrDMS Fasa 2

Penyelenggaraan: MyeTaPP.

Peluasan: e-Tanah.

Penambahbaikan: SPTB, Sistem SELAMAT, Sistem eConsent.



Pengukuhan
Infrastruktur
Pendigitalan
Mampu dan
Selamat

Pelaksanaan Kajian: Pelan Perancangan Keperluan Peralatan ICT, Naik Taraf LAN dan WiFi Ibu Pejabat dan Negeri.

Pelaksanaan: Sewaan Perkakasan ICT, SPA, Ujian Simulasi Backup, Restore Aplikasi dan DR, Pusat Data Sandaran Lokasi Kedua.

Naik Taraf Keupayaan dan Keselamatan Pusat Data: Perolehan Perkakasan, Peningkatan Keselamatan Bilik Server Negeri.

Pelaksanaan Perolehan Baharu dan Penggantian Perkakasan ICT (2022 – 2026): Aset Perkakasan ICT, Penggantian Perkakasan ICT, Aset Perisian.

Pelaksanaan Perolehan Baharu Perisian dan Perkhidmatan Pendigitalan (2022 – 2026): Naik Taraf Perisian, Lesen Perisian, Fi Langganan.

Pelaksanaan: Sewaan Peralatan ICT



Pemerkasaan
Tadbir Urus
Pendigitalan
dan Kemahiran
Modal Insan

Pembangunan: Semakan Semula *Enterprise Architecture* (EA) JKPTG, Semakan Semula PSP JKPTG 2022 - 2026.

Pelaksanaan: Kajian Semula Struktur Organisasi Pengurusan Maklumat JKPTG

Pembangunan: Polisi Perkongsian Maklumat dan Integrasi Data, Dasar Pelupusan Aset ICT Secara Serahan Kepada Kerajaan Negeri Selepas Tamat Kontrak, Pelan Latihan Kemahiran Pendigitalan 2023 – 2026.

Penambahbaikan: PKS, Pengurusan Maklumat Portal, Pengurusan Projek Pendigitalan, Pengurusan Penyelenggaraan Pendigitalan.

Penguatkuasaan: Kawalan Keselamatan Keluar Masuk Pejabat, ISMS.

Pelaksanaan: Latihan Kemahiran Teknikal Pendigitalan, Seminar Kesedaran dan Pernatuhan Pendigitalan.

2022

2023

2024

2025

2026

FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL

Bagi memastikan program-program yang terkandung dalam PSP JKPTG 2022-2026 dapat dijayakan dengan baik seperti disasarkan, faktor kritikal kejayaan perlu diambil perhatian.

1

Kerjasama daripada
pihak yang terlibat



3

Kelulusan
jawatankuasa



5

Pengurusan projek
yang efisien



7

Keupayaan dan
kepakaran pembekal
yang dilantik



2

Peruntukan
kewangan



4

Kemahiran dan
keupayaan kakitangan
pendigitalan



6

Kesediaan pengurusan
perubahan



PENUTUP

Pelan Strategik Pendigitalan JKPTG merupakan dokumen yang mengandungi perancangan program pendigitalan JKPTG secara menyeluruh sejajar dengan arah tuju JKPTG seperti dinyatakan dalam Pelan Strategik JKPTG 2021-2025 iaitu sebagai peneraju kecemerlangan pengurusan pentadbiran tanah dan pusaka ke arah kemakmuran bersama menjelang 2025. Pelan ini akan menjadi rujukan kepada JKPTG dalam melaksanakan program pendigitalan untuk tahun 2022 hingga tahun 2026. Strategi dan Program Pendigitalan yang dirancang adalah bertujuan untuk memperkuuh kapasiti pendigitalan perkhidmatan teras JKPTG bagi mengoptimumkan impak tadbir urus pengurusan tanah negara secara tuntas demi kesejahteraan rakyat.

Secara kesimpulannya, sebanyak tujuh strategi dan 27 program serta 25 sub program pendigitalan telah dikenal pasti sebagai strategi utama dalam pengukuhan pelaksanaan pendigitalan JKPTG sehingga tahun 2026.

PENGHARGAAN

1. YM Tengku Rohana Binti Tengku Nawawi (BPICT)
2. Juniaty binti Muslim (BPICT)
3. Noor Hasyikin binti Ahmad Ross (BPICT)
4. Suraya binti Jemaari (BPICT)
5. Mohd Rizal Abd Wahid (BPPT)
6. Abdul Rahman Bin Abdul Ghani (BSI)
7. Kamarul Izwad Bin Che Kamarudin (UI)
8. Wan Fatimah binti Ya'akob (BPICT)
9. Marina binti Jamal (BPICT)
10. Nurul Afzan binti Idris (BPICT)
11. Noor Marini binti Azlan (BPICT)
12. Norkamisah Binti Abdullah (BPICT)
13. Chew Shy Huoy (BHSS)
14. Yati binti Musa (BD&K)
15. Nur Syaida binti Mohamed (BPP)
16. Shahida binti Ab Samad (BPP)
17. Ahmad Nazrin bin Amer Haider Nuar (BPHP)
18. Hani Mastura binti Hussain (BPHP)
19. Noraini binti Md Husin (BHTP)
20. Ahmad Syameel Bin Abdullah (BPT)
21. Zurita binti Zainudin (BKP)
22. Hani Shalilaa Binti Zulkifli (BKP)
23. Nur Athirah binti Mohamad Zaini (BKP)
24. Mohammad Shaiful Naim bin Abd Gani (BPT)
25. Mohd Anas bin Yosuf (BHSS)
26. Shahruh Azhar Bin Chek Hat (BHTP)
27. Mohd Redzuan Bin Hassan (BPICT)
28. Mohd Izham Bin Alip (BPICT)
29. Normah Binti Che Said (BPICT)
30. Wan Noor Nazmiah Binti Wan Embong (BPICT)
31. Mohd Shahidan Bin Mohd Shafie (BPICT)
32. Mohd Fauzi Bin Hussin (BPICT)
33. Samsul Idham Bin Abdul Karim (BPICT)
34. Mohammad Azizi bin Mohammad Ali Mukia (BPICT)
35. Jennifer Roberts A/P Chelvanayagam (BPICT)
36. Noramin Bin Jaminam (BPICT)
37. Zamila binti Besar (BPICT)
38. Norzalina Binti Ahmad (BPICT)
39. Mohd Farid Izwan bin Mat Nawi (BPICT)
40. Nurul Hafizah Binti Shafai (BPICT)
41. Saiful Izan bin Mohd Hanafiah (BPICT)





Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah (BPICT) merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merangka Pelan Strategik Pendigitalan JKPTG 2022-2026.

Penghargaan turut dirakamkan kepada:

- Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
- Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundungan)
- Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (Sektor Penyelaras dan Operasi)
- Semua Pengarah Bahagian dan Ketua Unit Ibu Pejabat
- Semua Pengarah JKPTG Negeri
- Semua Penolong Pegawai Teknologi Maklumat JKPTG Negeri





**JABATAN KETUA PENGARAH
TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

JABATAN KETUA PENGARAH
TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
ARAS 4, PODIUM 1, WISMA SUMBER ASLI
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
62574 PUTRAJAYA

TEL: +603 8000 8000
E-MEL: pertanyaan@jkptg.gov.my